

Taktik serang balas senjata baru Malaysian Tigress

Kuala Lumpur: Taktik serangan balas yang diterapkan skuad hoki wanita negara dilihat mampu menjadi senjata baru buat pasukan selepas pencatutan itu membantu Malaysian Tigress mengikat Jepun 2-2 dalam aksi pemanas badan terakhir di Kakamigahara, Jepun, semalam.

Nyata pertaruhan berani pengendalinya, Dhaarma Raj Abdullah dengan bertahan membuah hasil apabila ia berjaya memerangkap lawan di ranking ke-11 dunia itu sekali gus meraih tonik terbaik menjelang aksi pembukaan Piala Asia berdepan China, esok.

Namun, untuk beraksi dengan strategi sama bagi pertemuan sulung menentang

pasukan gergasi Asia itu, Dhaarma, 48, percaya beliau memerlukan satu persembahan lebih mantap.

"Kedua-dua gol kami hadir menerusi serangan balas selepas kami membenarkan Jepun mengasak. Bagi saya apa yang mustahak pemain dapat beraksi baik dan tiada kecederaan.

"Tapi apapun, kami perlu memperkemas barisan pertahanan sekiranya mahu beraksi dengan strategi sama bagi perlawanan dengan China," katanya.

Kata-kata Dhaarma itu, sekali gus merujuk kepada empat pertahanan utamanya iaitu kapten Siti Noor Amarina Ruhani, Juliani Din, Noraini Rashid dan Siti Rahmah Othman.

FAKTA
Malaysian Tigress seri 2-2 dengan Jepun pada aksi pemanas badan akhir, semalam



SKUAD hoki wanita yang bersaing di Piala Asia di Kakamigahara, Jepun.

Penguasaan jelas menghak kepada Jepun pada aksi itu namun kedua-dua pasukan mencipta peluang seimbang selepas Jepun meraih tiga pukulan sudut penalti

berbanding dua yang dimiliki Malaysia.

Begitupun, pakar flick negara, Noraini perlu memastikan pukulan sudut penaltinya benar-benar tajam se-

lepas kedua-dua gol negara dalam aksi itu dihasilkan menerusi gol padang Nuraslinda Said dan Hanis Nadiah Onn.

"Gol pertama Jepun pula

dijaringkan menerusi pukulan sudut penalti dengan gol kedua hasil gerakan padang.

"Secara keseluruhannya saya berpuas hati dengan dua aksi pemanas badan ini kerana ia memberi kami keyakinan untuk pertemuan dengan China," kata Dhaarma.

Selepas menentang pasukan ke-12 dunia China, Malaysia dijangka tidak berdepan masalah menewaskan Singapura (40) pada keesokan harinya sebelum membuat perhitungan sekali lagi dengan India yang menewaskan mereka 2-1 dalam aksi pemanas badan kelmarin.

Piala Asia 2017 menawarkan peluang terakhir buat skuad negara untuk layak ke Piala Dunia 2018 di London, Mei tahun depan, namun ia bukan mudah kerana mereka perlu menjuarainya untuk layak automatik sebagai juara zon Asia.